



Warisan Kebudayaan Tidak Ketara



United Nations
Educational, Scientific and
Cultural Organization

ichcap

International Information and Networking Centre
for Intangible Cultural Heritage in the Asia-Pacific Region
under the auspices of UNESCO



JABATAN WARISAN NEGARA
KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA



Warisan Kebudayaan Pembangunan

Konvensyen bagi Melindungi Warisan Kebudayaan Tidak Ketara mengiktiraf 'kepentingan warisan kebudayaan tidak ketara sebagai pendorong utama kepelbagaian budaya bagi menjamin pembangunan mampan.

Agenda untuk Pembangunan Mampan 2030 merupakan satu pelan tindakan bagi menangani tiga dimensi – ekonomi, sosial dan persekitaran- pembangunan mampan melalui 17 Matlamat Pembangunan merupakan tindakan saling bergantung yang menghubungkan laluan pembangunan dalam semua peringkat dan menghormati tiga prinsip asas hak asasi manusia, kesamarataan dan kelestarian. Warisan Kebudayaan Tidak Ketara boleh secara efektifnya menyumbang pada pembangunan mampan selari dengan ketiga-tiga dimensi tersebut, juga pada keperluan keamanan dan keselamatan sebagai pra-syarat asas untuk pembangunan mampan.

Bagaimanakah kedudukan warisan kebudayaan tidak ketara dalam pembangunan mampan benar-benar difahami agar sumbangan-sumbangannya dapat diiktiraf dan direalisasikan?



© Vice Ministerio de Cultura



© Vice Ministerio de Cultura

Tidak Ketara dan Mampan

Translator: **Maisaraf Binti Marman**

Proofreader: **Siti Rabia Binti Abd Rahman**

Dimensi pembangunan mampan yang merangkumi bidang-bidang ekonomi, sosial dan persekitaran bersama-sama dengan bidang-bidang keamanan dan keselamatan, bukanlah tindakan yang berasingan tetapi saling bergantung. Bagi mencapai objektif yang luas ini memerlukan pendekatan yang menyeluruh ke atas dasar-dasar dengan memberikan sinergi positif kepada semua dimensi. Warisan Kebudayaan Tidak ketara boleh menyumbang secara efektif bersama-sama dengan setiap dimensi tersebut, justeru melindunginya adalah penting sekiranya semua masyarakat di seluruh dunia menyedari masa depan yang kita inginkan untuk semua.

Pembangunan Sosial Yang Inklusif

Pembangunan sosial yang inklusif tidak boleh dicapai tanpa jaminan makanan yang mampan, penjagaan kesihatan yang berkualiti, mendapat bekalan air bersih dan sanitasi, pendidikan berkualiti untuk semua, termasuk sistem perlindungan sosial dan kesamarataan jantina. Matlamat-matlamat ini perlu disokong oleh tadbir urus yang inklusif dan kebebasan untuk orang ramai memilih sistem nilai mereka sendiri.

Masyarakat sentiasa membangun dan mengadaptasi warisan kebudayaan tidak ketara mereka, termasuk ilmu pengetahuan dan amalan-amalan berhubung alam semula jadi dan juga amalan sosial, bagi menangani keperluan asas dan isu-isu sosial setiap masa dan ketika. Amalan rawatan kesihatan tradisional, sajian makanan, amalan pengurusan air, temasya sosial, perayaan-perayaan dan sistem penyampaian pengetahuan memainkan peranan penting untuk masyarakat mencapai pembangunan sosial yang inklusif.

Warisan kebudayaan tidak ketara adalah penting untuk memastikan keselamatan makanan. Penyediaan makanan tradisional dan pertanian tempatan, penternakan, perikanan,

perburuan, pengumpulan makanan dan sistem pengawetan makanan boleh memberi sumbangan yang besar kepada jaminan makanan dan nutrisi. Komuniti-komuniti telah meningkatkan pengetahuan tradisional melalui pendekatan yang menyeluruh khususnya terhadap kehidupan luar bandar dan persekitaran mereka. Teknik mereka adalah berdasarkan penggunaan pelbagai tanaman, tumbuh-tumbuhan dan haiwan serta pengetahuan yang mendalam tentang tanah mereka dan alam semula jadi sama ada lembap, dingin, gersang atau di lokasi yang sederhana. Mereka telah membangunkan penyediaan makanan serta sistem pengeluaran dan pemuliharaan yang pelbagai dan diadaptasikan dengan lokasi-lokasi serta perubahan persekitaran. Sebilangan besar keluarga petani di seluruh dunia bergantung kepada sistem pertanian yang mampu meningkatkan kesuburan tanah, menyediakan diet yang pelbagai dan memberikan nutrisi yang mencukupi serta kesihatan yang baik. Pengukuhan dan pemantapan berterusan sistem-sistem ini adalah penting untuk memastikan jaminan makanan yang mencukupi serta pemakanan yang berkualiti untuk kebanyakan komuniti di seluruh dunia.

Amalan kesihatan secara tradisional boleh menyumbang ke arah kesejahteraan dan penjagaan kesihatan yang berkualiti untuk semua. Komuniti-komuniti di seluruh dunia telah membangunkan kepelbagaian pengetahuan berkaitan dengan amalan kesihatan, menyediakan terapi yang berkesan dan mampu dibiayai, melalui penggunaan sumber semula jadi tempatan. Herba sebagai contoh, sejak beribu tahun pakar-pakar telah menjadikannya sumber penting dalam penjagaan kesihatan asas untuk orang ramai. Amalan dan pengetahuan tradisional mereka berkaitan penggunaan tumbuh-tumbuhan untuk perubatan adalah berdasarkan pengalaman empirik ketika merawat pesakit. Contohnya di daerah Tanga Tanzania, pengamal perubatan - termasuk pakar herba, bidan dan pakar kesihatan mental



Makanan merupakan elemen utama dalam perayaan yang memberikan suatu bentuk identiti dan kepunyaan sesebuah komuniti.



© UNESCO / Isaack Omoro 2011



© UNESCO / Isaack Omoro 2011

tradisional – mempunyai pengetahuan khusus untuk merawat penyakit fizikal dan psikologi. Rawatan tersebut mampu dibiayai dan mudah diperolehi, termasuk di kawasan terpencil luar bandar di mana ubat-ubatan lain sukar diperolehi. Justeru, pengiktirafan adalah penting sebagai penghormatan untuk mengembangkan pengetahuan terapeutik bagi kesinambungannya kepada generasi akan datang, khususnya apabila ia lebih banyak ditawarkan untuk masyarakat. Sungguhpun perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lain juga tersedia, pengetahuan dan amalan tradisional yang telah berakar umbi dalam organisasi sosio-budaya dengan nilai-nilai rohaniah yang khusus, menjadi pelengkap dan memberikan kepelbagaian pilihan kepada orang ramai.

Amalan tradisi mengenai pengurusan air boleh menyumbang kepada capaian yang saksama terhadap air bersih dan penggunaan air yang mampan, terutamanya dalam bidang pertanian dan bidang lain kehidupan. Menurut sejarah, masyarakat tempatan telah membuktikan keupayaan mereka melaksanakan amalan pengurusan air yang mampan, berpandukan pada kepercayaan dan tradisi yang dipegang teguh, untuk mencari jalan bagi memperoleh air bersih untuk semua. Contohnya, sistem pengurusan air di San Cristobal de las Casas, Chiapas, Mexico, adalah berdasarkan pada persepsi kaum Maya yang kompleks berkaitan alam sakral dan tradisi budaya. Masyarakat Maya percaya bahawa manusia merupakan sebahagian daripada kitaran air dan menyumbang pada pembaharuan yang berterusan sumber tersebut melalui cecair tabii badan mereka. Oleh itu, air dianggap sebagai sumber milik bersama bukannya komoditi, dan pengurusan bekalan air adalah tanggungjawab semua anggota masyarakat. Bagi kebanyakan masyarakat, sistem sedemikian merupakan satu-satunya jalan bagi mendapatkan air bersih, oleh itu ia adalah penting untuk diteruskan dan disampaikan kepada generasi yang akan datang. Di tempat lain, sistem tradisional terus memainkan

peranan penting kerana ia mengurangkan kebergantungan masyarakat pada bekalan air dari luar malah mampu dibiayai bagi keluarga yang daif. Pengiktirafannya malah penghormatan kepelbagaian sistem dan nilai-nilai pengurusan sumber air serta peningkatan dan penyebarannya yang berterusan adalah kunci utama bagi penyelesaian pembangunan yang mampan untuk menangani cabaran persekitaran dan pembangunan yang berkaitan dengan air.

Warisan kebudayaan tidak ketara menjadi contoh nyata kandungan dan kaedah pendidikan. Komuniti sentiasa menemui cara untuk mensistemkan dan menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran hidup dan kecekapan mereka khususnya yang berkaitan dengan persekitaran semulajadi dan sosial. Walaupun sistem pendidikan formal telah wujud, kebanyakan pengetahuan seumpama ini dan banyak lagi kaedah penyampaian tradisional masih digunakan secara aktif pada masa kini. Ia merentasi pelbagai disiplin dan bidang: dari kosmologi dan fizik kepada kesihatan dan penggunaan mampan sumber-sumber asli; dari kitaran kehidupan manusia kepada penyelesaian konflik dan ketegangan; daripada memahami diri dan tempat seseorang dalam masyarakat kepada mewujudkan ingatan kolektif; dari seni bina kepada sains bahan. Pendidikan yang berkualiti untuk semua tidak harus mengenyepikan generasi muda daripada sumber-sumber yang kaya ini yang telah sedia terhubung rapat dengan identiti kebudayaan mereka. Oleh demikian pendidikan berkualiti seharusnya mengiktiraf kemewahan warisan kebudayaan tidak ketara dan memperkukuhkan potensi pendidikan melaluinya selanjutnya, mengintegrasikan sepenuhnya mungkin warisan kebudayaan tidak ketara sebagai kandungan program pendidikan dalam semua bidang yang berkaitan. Selain itu, berusaha untuk menjalinkan potensi mod dan kaedah tradisional bagi menyalurkan warisan kebudayaan tidak ketara dalam sistem pendidikan.

Sejumlah besar institusi keluarga di seluruh dunia bergantung pada sistem pertanian yang mampu meningkatkan kesuburan tanah, menyediakan diet makanan yang pelbagai dan nutrisi yang mencukupi untuk kesihatan yang lebih baik.

Warisan kebudayaan tidak ketara boleh membantu mengukuhkan ikatan dan penyertaan sosial. Amalan sosial, upacara dan acara-acara perayaan menstrukturkan kehidupan masyarakat dan kumpulan serta boleh memainkan peranan utama dalam mengukuhkan organisasi sosial mereka secara inklusif. Sebagai contoh, Frevo, iaitu suatu ekspresi seni Brazil menggabungkan muzik, tarian dan kraf, menyatukan orang daripada semua lapisan sosial untuk berekspresi sepanjang Karnival sebelum Upacara Katolik Lent. Frevo adalah warisan kepunyaan bersama penduduk Recife, yang memberikan mereka satu perasaan identiti dan kesinambungan dari masa lalu serta mengukuhkan nilai-nilai masyarakat yang menjangkau perbezaan jantina, warna kulit, darjat dan kedaerahan. Masyarakat dari semua latar belakang menari bersama-sama dengan irama muzik Frevo. Sebilangan amalan sosial iaitu dari perhimpunan kecil sehingga sambutan besar-besaran serta majlis peringatan, mengukuhkan hubungan sosial dan perpaduan sosial masyarakat 'dengan membentuk identiti yang dikongsi bersama oleh mereka yang mengamalkannya.

Warisan kebudayaan tidak ketara adalah penentu dalam mewujudkan dan menyebarkan peranan dan identiti gender, justeru sangat penting bagi kesamaan gender. Sememangnya komuniti menyampaikan nilai-nilai, norma dan harapan mereka berkaitan dengan identiti gender melalui warisan kebudayaan tidak ketara serta pembentukan identiti gender anggota masyarakatnya. Selain itu, capaian dan penyertaan dalam sesuatu ekspresi warisan biasanya ditentukan melalui norma-norma gender: contohnya, pengeluaran kraf tradisional sering bergantung pada pembahagian tugas mengikut gender, manakala persembahan kesenian merupakan satu tempat istimewa bagi mengutarakan ekspresi umum tentang harapan dan peranan gender. Memandangkan warisan kebudayaan tidak ketara sentiasa menyesuaikan kepada perubahan sosial dan persekitaran, peranan gender juga turut berubah. Hubungan gender masyarakat sentiasa dirunding secara berterusan, justeru membuka peluang bagi mengatasi diskriminasi berdasarkan gender dan langkah ke arah kesamaan gender melalui amalan warisan kebudayaan tidak ketara.



Komuniti sentiasa menemui cara untuk mensistemkan dan menyampaikan ilmu pengetahuan, kemahiran hidup dan kecekapan mereka khususnya yang berkaitan dengan persekitaran semulajadi dan sosial.

Warisan tidak ketara boleh memainkan peranan yang penting bagi membina keyakinan dan toleransi di antara masyarakat berbilang budaya walaupun anggotanya mungkin tidak berkongsi tanggapan yang sama tentang gender, dan juga dalam menyediakan ruang yang sama untuk dialog cara terbaik mencapai kesamaan gender.

Kelestarian Alam Sekitar

Kelestarian persekitaran perlu memastikan iklim yang stabil, menguruskan sumber semula jadi dengan mampan dan melindungi biodiversiti. Seterusnya ini bergantung kepada kefahaman saintifik dan perkongsian pengetahuan tentang perubahan iklim, bencana alam, persekitaran ruang angkasa dan had sumber asli. Memperkukuhkan daya tahan di kalangan penduduk yang mudah terjejas bagi menghadapi perubahan iklim dan bencana alam adalah penting untuk menghadkan kos manusia, sosial dan ekonomi.

Pengetahuan, nilai-nilai dan amalan tradisional dikumpul dan ditambahbaik di setiap generasi sebagai sebahagian daripada warisan kebudayaan tidak ketara yang telah memandu masyarakat dalam interaksi mereka dengan persekitaran semula jadi sejak beribu tahun. Kini, sumbangan warisan kebudayaan tidak ketara untuk kelestarian persekitaran telah diiktiraf dalam pelbagai bidang seperti pemuliharaan biodiversiti, pengurusan sumber asli yang mampan dan persiapan serta gerak balas bagi menghadapi bencana alam.

Sebagai warisan hidup, kerangka ilmu pengetahuan, nilai dan amalan warisan kebudayaan tidak ketara yang berkaitan dengan alam sekitar mempunyai kapasiti untuk berkembang dan mengadaptasi dengan lebih mampan penggunaan sumber semula jadi apabila perlu, bagi mempersiapkan masyarakat untuk lebih bersedia menghadapi bencana alam dan cabaran perubahan iklim.



© 2010 by Acervo PCR



© 2010 by Acervo PCR

Amalan sosial, upacara dan acara-acara perayaan menstruktur kehidupan masyarakat dan kumpulan serta boleh memainkan peranan penting dalam mengukuhkan organisasi sosial mereka secara inklusif.



© 2006 by Acervo PCR

Warisan kebudayaan tidak ketara boleh membantu melindungi biodiversiti. Masyarakat peribumi dan komuniti tempatan memainkan peranan yang penting dalam pemuliharaan dan penggunaan mampan kepelbagaian biologi. Contohnya di Kenya, wanita Kikuyu berperanan penting dalam pembiakan tanaman makanan dan pemeliharaan benih. Secara tradisinya, wanita menanam pelbagai jenis kacang di ladang yang sama dan memulihara pelbagai stok benih sebagai perlindungan daripada penyakit dan iklim yang tidak menentu. Pada masa ini, stok benih-benih tersebut merupakan gedung botani yang sangat berharga daripada pengetahuan peribumi, lebih-lebih lagi selepas beberapa dekad ketirisan sumber genetik pertanian di peringkat kebangsaan yang disebabkan penanaman tunggal. Oleh itu, petani, penternak, nelayan dan pengamal perubahan tradisional selain pemegang pengetahuan tempatan adalah pelindung biodiversiti.

Warisan kebudayaan tidak ketara boleh menyumbang untuk kelestarian alam sekitar.

Walaupun aktiviti manusia menggunakan sumber-sumber semula jadi semakin meningkat dan tidak menentu di tahap global, ramai di kalangan masyarakat tempatan telah membangunkan gaya hidup dan amalan warisan kebudayaan tidak ketara yang berkait rapat dengan alam semula jadi dan menghormati alam sekitar. Contohnya, anyaman tikar yang halus dari Samoa, digunakan sebagai salah satu bentuk mata wang untuk memenuhi obligasi budaya atau diarak semasa majlis-majlis istiadat. Lama-kelamaan, satu badan yang penting dalam pengetahuan ekologi tradisional telah ditubuhkan berkaitan dengan anyaman termasuk penanaman berbagai jenis mengkuang, sejenis pokok palma yang merupakan sumber bahan utama untuk anyaman. Pengetahuan ini telah membantu masyarakat Samoa memelihara alam sekitar mereka, dengan kesedaran bahawa kesejahteraan hidup mereka bergantung pada alam semulajadi.

Pengetahuan dan amalan yang dikumpul sepanjang masa telah digunakan bagi kelestarian penggunaan sumber-sumber asli dan meminimalkan impak perubahan iklim. Oleh itu, warisan kebudayaan tidak ketara boleh membantu melindungi biodiversiti dan menyumbang kepada kelestarian persekitaran.





Ramai di kalangan masyarakat tempatan telah membangunkan gaya hidup dan amalan warisan kebudayaan tidak ketara yang berkait rapat dengan alam semula jadi dan menghormati alam sekitar.



Oleh kerana barang-barang anyaman diperbuat daripada tumbuh-tumbuhan, ia mudah terurai dan mempercepatkan proses menanam hingga menuai, berbanding plastik dan produk-produk lain pakai dan buang yang membahayakan alam sekitar serta digunakan secara meluas di peringkat global.

Pengetahuan dan amalan tempatan mengenai alam semula jadi boleh menyumbang pada penyelidikan ke atas kelestarian alam sekitar.

Nelayan tradisional sebagai contoh, menyimpan maklumat strategik yang boleh membantu menangani cabaran biodiversiti marin. Mereka telah membangunkan pengetahuan yang mendalam tentang ekologi dan tingkah laku ikan, migrasi dan habitat, perikanan dan amalan menangkap ikan yang disesuaikan dengan musim. Pengetahuan yang sangat terperinci ini serta pelbagai dan dinamik, boleh melengkapkan penyelidikan saintifik lain terhadap biodiversiti pemuliharaan dan pemulihan marin. Kerjasama antarabangsa di antara masyarakat setempat dan para penyelidik serta perkongsian amalan yang baik boleh menyumbang untuk mencapai kelestarian alam sekitar dalam pelbagai bidang seperti pemeliharaan hutan, pemuliharaan agro-biodiversiti dan pengurusan sumber asli.

Pengetahuan dan strategi pengendalian sering menjadi asas yang penting kepada daya tahan masyarakat terhadap bencana alam dan perubahan iklim.

Masyarakat tempatan yang sering hidup dalam persekitaran yang terdedah dan rumit merupakan antara yang pertama menderita akibat perubahan iklim dan bencana alam. Pengetahuan dan amalan mereka mengenai alam dan iklim - termasuk pemahaman ekologi, kemahiran dan peraturan tentang pemuliharaan persekitaran dan biodiversiti, sistem ramalan bencana alam dan cuaca- merupakan gedung ilmu yang kaya dengan strategi bagi menghadapi bahaya disebabkan persekitaran semulajadi mereka. Pemerincian dan penyesuaian yang berterusan pada perubahan keadaan menjadikan mereka mampu membantu masyarakat tempatan secara aktif bagi mengurangkan risiko berkaitan bencana alam, membina semula apabila perlu dan menyesuaikan pada perubahan iklim.



Pembangunan Ekonomi Yang Inklusif

Pembangunan mampan bergantung pada pertumbuhan ekonomi yang stabil, saksama dan inklusif, berdasarkan pada corak pengeluaran dan penggunaan yang mampan. Pembangunan ekonomi yang inklusif tidak menumpukan hanya kepada orang-orang yang dikenal pasti sebagai miskin, tetapi juga kepada orang yang daif iaitu dalam kehidupan yang tidak menentu dan mereka yang terasing daripada penyertaan penuh dalam aktiviti ekonomi. Pembangunan ini menawarkan pekerjaan yang produktif dan baik, mengurangkan kemiskinan dan ketidakseimbangan, kurang pencemaran serta pertumbuhan ekonomi dengan sumber yang berkesan dan perlindungan kebajikan. Warisan kebudayaan tidak ketara merupakan aset penting untuk perubahan transformatif ini. Ia merupakan penggerak kepada pembangunan ekonomi, merangkumi kepelbagaian aktiviti produktif, sama ada dalam bentuk nilai kewangan atau bukan, dan menyumbang khususnya bagi mengukuhkan ekonomi tempatan. Sebagai warisan hidup, ia juga boleh menjadi suatu sumber inovasi yang penting dalam menghadapi perubahan dan membantu mencapai pembangunan ekonomi yang inklusif di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Warisan kebudayaan tidak ketara sentiasa penting untuk mengekalkan kesejahteraan hidup kumpulan dan komuniti. Pemeliharaan dan penambahbaikan pengetahuan tempatan, kemahiran dan amalan menerusi generasi, memberikan kesejahteraan sara hidup untuk ramai orang. Contohnya, keluarga petani di Estonia menternak kambing biri-biri dan memproses bulunya dalam suasana harmoni dengan alam semula jadi dan tradisi tempatan. Cara hidup seperti ini memberikan mereka sumber kesejahteraan hidup dan identiti. Mereka memintal benang untuk para pengait, membuat barang-barang daripada kain bulu bebiri dan lilin serta sabun daripada lemak bebiri. Amalan sara hidup seumpama ini adalah penting untuk kesejahteraan masyarakat dan merupakan



© 2008 by Batik Museum Institute, Pekalongan / Gaura Mancaniladipura



© 2008 by Batik Museum Institute, Pekalongan / Gaura Mancaniladipura

kunci bagi mengatasi kemiskinan di peringkat tempatan. Perkara sedemikian juga sama dengan amalan-amalan di tempat lain seperti amalan pertanian tempatan dan sistem pengurusan sumber semula jadi.

Warisan kebudayaan tidak ketara boleh menjana hasil dan kerja yang bersesuaian untuk pelbagai golongan dan individu termasuk yang miskin dan daif. Pertukangan tradisional, sebagai contoh, sering menjadi sumber utama wang tunai atau pertukaran barangan sebagai pendapatan bagi kumpulan, masyarakat dan individu yang mana tanpanya

Pemeliharaan dan penambahbaikan pengetahuan tempatan, kemahiran dan amalan melalui generasi, memberikan kehidupan sara diri untuk ramai orang. Warisan kebudayaan tidak ketara boleh menjana hasil dan kerja yang bersesuaian untuk pelbagai golongan dan individu termasuk yang miskin dan daif.



© 2008 by Batik Museum Institute, Pekalongan / Gaura Mancanladipura

berkemungkinan terpinggir dari sistem ekonomi. Ia menjana pendapatan bukan sahaja untuk karyawan dan keluarga mereka, tetapi juga untuk mereka yang terlibat dalam pengangkutan dan penjualan produk kraf atau pengumpulan serta pengeluaran bahan-bahan mentah. Aktiviti-aktiviti ini menjana pekerjaan yang baik kerana ia sering dijalankan dalam lingkungan keluarga dan masyarakat, memberikan perlindungan dan mewujudkan semangat kekitaan di tempat kerja; ia dilihat sebagai kerja yang mulia kerana mempunyai hubungkait dengan identiti masyarakat. Persembahan kesenian, acara perayaan dan ekspresi lain warisan kebudayaan tidak ketara juga turut melibatkan anggota-anggota masyarakat secara meluas dalam pembangunan ekonomi, termasuk wanita dan belia.

Warisan kebudayaan tidak ketara, sebagai warisan hidup, boleh menjadi sumber utama inovasi untuk pembangunan. Masyarakat dan kumpulan sentiasa membuat pembaharuan dalam menghadapi perubahan. Warisan kebudayaan tidak ketara adalah sumber yang strategik untuk membolehkan pembangunan bertransformatif di peringkat tempatan dan global. Bahan-bahan baru boleh diadaptasi untuk memenuhi keperluan lama, sebagai contoh, apabila bahan mentah tertentu adalah terhad atau tiada, justeru kemahiran lama

memberikan jawapan kepada cabaran-cabaran baru sepertimana keadaannya apabila sistem yang telah lama digunakan untuk menyebarkan kebudayaan diadaptasi dengan teknologi maklumat dan komunikasi.

Komuniti juga boleh mendapat manfaat daripada aktiviti pelancongan yang berkaitan dengan warisan kebudayaan tidak ketara.

Penemuan kepelbagaian tradisi, acara perayaan, seni persembahan, kemahiran yang berkaitan dengan kraf tradisional dan bidang-bidang lain warisan kebudayaan tidak ketara adalah tuas yang berupaya menarik pelancong di peringkat kebangsaan, serantau dan juga antarabangsa. Aktiviti-aktiviti pelancongan ini boleh menjana pendapatan dan merangsang peluang pekerjaan serta memupuk rasa bangga dalam masyarakat, dengan syarat mereka menghormati etika dan prinsip-prinsip tanggungjawab bersabit dengan warisan hidup dan orang yang berkaitan. Namun, sekiranya pelancongan tidak menghormati warisan, kesannya akan menyebabkan warisan menghadapi ancaman, seperti dalam kes contohnya, apabila aktiviti komersial yang berlebihan mengubah makna dan tujuannya untuk komuniti. Oleh demikian, adalah penting bagi aktiviti-aktiviti berkaitan pelancongan, sama ada yang dijalankan oleh negara atau orang awam atau organisasi swasta, perlu menunjukkan rasa hormat terhadap melindungi warisan kebudayaan

tidak ketara dan hak-hak, aspirasi dan kehendak orang-orang yang berkaitan. Mereka harus tetap mendapat faedah utama dari mana-mana pelancongan yang berkaitan dengan warisan milik mereka dan perlu diberi peranan utama dalam pengurusanannya. Pelancongan hendaklah beretika dan menjaga sensitiviti Warisan Kebudayaan Tidak Ketara, harus mengelak sebarang kesan negatif kepada warisan tersebut dengan membimbing tingkah laku mereka yang terlibat dalam aktiviti pelancongan, termasuk pelancong sendiri.

Keamanan dan keselamatan

Keamanan dan keselamatan - termasuk kebebasan daripada konflik, diskriminasi dan segala bentuk keganasan - adalah prasyarat untuk pembangunan mampan. Bagi memenuhi imperatif ini memerlukan penghormatan terhadap hak asasi manusia, sistem keadilan yang berkesan, proses politik dan sistem pencegahan serta penyelesaian konflik yang inklusif. Keamanan dan keselamatan juga bergantung kepada capaian yang adil dan kawalan penduduk tempatan terhadap sumber-sumber semula jadi,

serta mendapatkan pemilikan tanah dan hak-hak tanpa sebarang bentuk diskriminasi atau pengecualian.

Pelbagai amalan, perwakilan dan ekspresi warisan kebudayaan tidak ketara mengandungi maksud keamanan sebagai terasnya, dan menggalakkan dialog serta kesefahaman bersama. Aktiviti melindungi itu sendiri boleh menyumbang pada pengwujudan keamanan. Warisan kebudayaan tidak ketara serta aktiviti melindungi sedemikian membolehkan komuniti, negara dan semua penggiat pembangunan menggunakan laluan berkaitan budaya ke arah penyertaan inklusif, pemastautinan secara aman, pencegahan atau penyelesaian perbalahan, dan keselamatan yang berterusan serta membina keamanan.

Kebanyakan amalan warisan kebudayaan tidak ketara mempromosikan keamanan sebagai teras amalan. Piagam *Manden Mali* (Perlembagaan Empayar Mali), yang diinstitusikan oleh Soundiata Keita pada tahun 1236, adalah satu contoh. Sebagai salah satu piagam hak asasi manusia di dunia, ianya menyokong nilai-nilai seperti keamanan sosial dalam kepelbagaian, halangan pencabulan



manusia, pemansuhan perhambaan oleh razzia dan kebebasan bersuara dan perdagangan. Penyampaian melalui lisan secara berterusan sejak pengwujudannya, pernyataan Piagam dan ritual yang berkaitan dengannya dipegang teguh oleh rakyat Malinke.

Upacara Peringatan tahunan tentang perhimpunan bersejarah itu dianjurkan di Kampung Malian di Kangaba oleh pihak berkuasa tempatan dan kebangsaan khususnya oleh pihak berkuasa tradisional, yang melihat Piagam sebagai sumber undang-undang dan mesej kasih sayang, keamanan dan persaudaraan. Di seluruh dunia, sebilangan ekspresi warisan kebudayaan tidak ketara berfungsi bagi menggalakkan dan melindungi nilai-nilai keamanan

Warisan kebudayaan tidak ketara boleh membantu untuk mencegah atau menyelesaikan pertikaian. Amalan dialog sosial tempatan, penyelesaian konflik dan perdamaian mempunyai peranan penentu dalam masyarakat di seluruh dunia. Pengwujudannya selama berabad-abad adalah sebagai tindak balas pada konteks sosial dan persekitaran tertentu, untuk membantu mengawal capaian kepada ruang dan sumber semula jadi yang dikongsi bersama, dan juga untuk membolehkan semua orang hidup dengan aman,

di mana sistem tersebut mungkin tidak rasmi atau terlalu terperinci. Sebagai contoh, petani di wilayah separuh gersang Sepanyol iaitu Murcia dan Valencia merujuk kepada tribunal komunal untuk menyelesaikan pertikaian terhadap pengagihan air dan pengurusan sistem pengairan yang penting untuk penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bunga yang amat terkenal di wilayah tersebut. Majlis Wise Men (Para Bijaksana) bagi Dataran Murcia dan Tribunal Air Dataran Valencia mengadakan perjumpaan setiap hari Khamis untuk memberi keputusan yang diakui adil dan bijaksana, serta mempunyai keesahan berbanding mana-mana mahkamah sivil yang lain.

Ahli-ahli tribunal terdiri daripada petani, yang dipilih secara demokrasi oleh orang ramai bersandarkan pada pengetahuan mereka tentang pertanian, pengairan dan adat tempatan untuk menimbang tara persaingan tuntutan. Kebolehjayaan berterusan amalan sosial warisan kebudayaan tidak ketara seumpama ini adalah penting dalam menunjukkan keupayaan masyarakat untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan dengan mencegah serta menyelesaikan konflik secara inklusif serta diterima oleh orang-orang yang berkaitan.



Amalan dialog sosial tempatan, penyelesaian konflik dan perdamaian mempunyai peranan penentu dalam masyarakat di seluruh dunia. Diwujudkan sejak berabad dahulu sebagai tindak balas pada konteks sosial dan persekitaran tertentu, untuk membantu mengawal capaian pada ruang dan sumber semula jadi yang dikongsi bersama, dan juga untuk membolehkan semua orang hidup secara aman bersama.

Warisan kebudayaan tidak ketara boleh menyumbang bagi memulihkan keamanan dan keselamatan. Upacara keamanan dan perdamaian, sebagai contoh, mempunyai kuasa sosial untuk mengembalikan keamanan di antara dua pihak, sama ada individu, keluarga atau masyarakat. Upacara keamanan boleh digunakan secara simbolik untuk menyampaikan komitmen tanpa kekerasan dan untuk memulihkan hubungan. Ia membantu orang ramai untuk berhubung di antara satu sama lain dan membolehkan mereka mengelakkan salah faham, permusuhan, kebencian dan keganasan.

Melindungi warisan kebudayaan tidak ketara juga merupakan kaedah untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan. Apabila ia bersifat inklusif, aktiviti melindungi yang berkaitan dengan warisan kebudayaan tidak ketara menjadi tuas yang penting untuk menyatukan masyarakat, kumpulan dan individu, termasuk masyarakat pribumi, penghijrah,

pendatang, pelarian, orang yang berbeza usia dan jantina, orang kurang upaya, dan ahli-ahli kumpulan yang terpinggir. Melalui sumbangan mereka kepada tadbir urus demokratik dan menghormati hak asasi manusia, aktiviti melindungi warisan kebudayaan tidak ketara menggalakkan kemunculan faktor-faktor keamanan dan keselamatan seperti perkongsian dan penyebaran nilai-nilai bersama yang telah berakar umbi, memperkukuhkan rasa identiti kolektif dan harga diri, serta mewujudkan peluang-peluang baru yang kreatif dan pembangunan ekonomi. Aktiviti Melindungi dalam keadaan pasca-konflik juga menyatukan berbagai pihak di dalam satu projek bagi membina semula dan berkongsi memori bersama; ia menggalakkan perdamaian melalui dialog antara budaya dan menghormati kepelbagaian budaya dalam lingkungan amalan warisan hidup yang mana menjadi cara yang efektif dan mampan untuk mengembalikan keamanan dan keselamatan dalam masyarakat.

Pengetahuan dan amalan yang dikumpul sepanjang masa telah digunakan bagi kelestarian penggunaan sumber-sumber asli dan meminimalkan impak perubahan iklim. Oleh itu, warisan kebudayaan tidak ketara boleh membantu melindungi biodiversiti dan menyumbang kepada kelestarian persekitaran.



© Tribunal de las Aguas de la Vega de Valencia



© Tribunal de las Aguas de la Vega de Valencia







Warisan Kebudayaan Tidak Ketara

The designations employed and the presentation of material throughout this publication do not imply the expression of any opinion whatsoever on the part of UNESCO concerning the legal status of any country, territory, city or area or of its authorities, or the delimitation of its frontiers or boundaries. The authors are responsible for the choice and the presentation of the facts contained in this book and for the opinions expressed therein, which are not necessarily those of UNESCO and do not commit the Organization.

The present translation has been prepared under the responsibility of the International Information and Networking Centre for Intangible Cultural Heritage in the Asia-Pacific Region under the auspices of UNESCO (ICHCAP) and Ministry of Tourism and Culture of Malaysia.